

**KEPENTINGAN ELEMEN AGAMA DALAM KEMAHIRAN
EMPLOYABILITY DI KALANGAN MAHASISWA: KAJIAN TERHADAP
GRADUAN AKADEMI ISLAM KOLEJ UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA SELANGOR**

Zaidul Amin Suffian Ahmad¹, Sahlawati Abu Bakar², Mohd Hakim Arshad³,
Norshahida Khalid⁴

zaidulamin@kuis.edu.my¹, sahlawati@kuis.edu.my², mohdhakim@kuis.edu.my³

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Lambakan graduan dari Institusi Pengajian Tinggi saban tahun membolehkan majikan memilih pekerja yang benar-benar menepati kehendak mereka. Fenomena menganggur dalam kalangan graduan merupakan situasi yang serius dan ianya berlaku disebabkan graduan tidak mempunyai kemahiran *employability* yang diperlukan oleh majikan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap elemen kemahiran *employability* yang mampu dikuasai oleh mahasiswa dan ingin mengemukakan elemen agama sebagai kemahiran tambahan yang penting dalam kemahiran *employability*. Sampel kajian adalah dalam kalangan graduan Sarjana Muda Akademi Islam yang bergraduasi pada tahun 2013-2014. Dapatan kajian menunjukkan nilai agama turut menjadi faktor pemilihan pekerja yang berintegriti dan bertanggungjawab.

Kata Kunci: Elemen agama, kemahiran, *employability*, mahasiswa, KUIS.

1.0 PENGENALAN

Institut Pengajian Tinggi (IPT) merupakan pusat yang melahirkan graduan yang berjaya dan mampu menerajui dunia pekerjaan dengan bidang yang mereka ceburi. Oleh itu, peranan IPT amat penting dan tidak boleh dipandang enteng oleh mana-mana pihak dalam menghasilkan graduan yang berkualiti dalam menempuh arus pemodenan. Ini adalah kerana, graduan merupakan peneraju kejayaan dalam mencapai wawasan 2020 untuk menjadi negara maju. Dalam hal ini Pelan Integriti Nasional (PIN) menyatakan :-

“Kecemerlangan pelajar hari ini tidak tertumpu pada pencapaian kecemerlangan dalam akademik sahaja. Oleh itu, kecemerlangan pelajar perlu diukur pada daya kualiti diri khususnya bagaimana ia dapat menampilkan diri sebagai seorang pemimpin pada masa akan datang. Kualiti kepimpinan perlu merangkumi aspek sahsiah pelajar. Keunggulan sahsiah pelajar amat perlu diberikan perhatian bagi membolehkan mereka menggembeleng dengan keintelektualan yang mereka miliki. Dengan penggabungan antara keintelektualan dan keunggulan sahsiah, negara akan memperoleh bakal pemimpin yang dinamik dan berintegriti. Integriti individu ialah keselarasan antara apa yang dikatakan oleh individu dengan apa yang dikotakannya; keselarasan antara tindakannya dengan prinsip moral, etika dan undang-undang; serta keselarasan antara kepentingan diri dan kepentingan umum. Apa yang dilakukan individu itu pula cepat, tepat dan bermutu. Apabila ia bertindak atau bertingkah laku demikian secara konsisten dalam pelbagai segi, dia dikatakan mempunyai integriti. Apabila bertindak sebaliknya dikatakan tidak berintegriti atau lemah integriti”. (Pelan Integriti Nasional, 2004)

Di samping itu, IPT memainkan peranan penting dalam membina insan yang beretika serta bertanggungjawab selain melahirkan para pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran, komited dan cekap. Walaupun begitu, para graduan masih tidak dapat mempraktikkan latihan yang mereka terima apabila menceburi dalam sesuatu bidang pekerjaan. Pencapaian akademik pelajar yang tinggi tidak menjamin mereka mempunyai kemahiran insaniah (*soft skills*). Oleh itu, penekanan dari pihak IPT perlu bagi memastikan graduan yang dilahirkan mengikut kehendak industri semasa dalam

menghadapi perubahan teknologi. Justeru, sewajarnya pihak institusi sentiasa mengikuti perkembangan dan keperluan pekerjaan semasa bagi membolehkan pihak IPT merancang atau mengatur program yang dapat memenuhi pasaran kerja masa kini.

2.0 KEBOLEHPASARAN SISWAZAH

Kecenderungan pihak majikan untuk mencari bakal pekerja adalah berdasarkan pelbagai aspek kemahiran tanpa perlu memberi latihan dalam perkhidmatan. Proses pembangunan “soft skills” ini boleh dilaksanakan kepada semua pelajar meliputi di dalam dan di luar dewan kuliah.

Menurut Shahrudin et al. (2010), kebolehpasaran seseorang graduan adalah berbeza-beza sifat dan darjatnya. Kebolehpasaran graduan dari pusat pengajian tinggi juga dikaitkan dengan kecenderungan bakal majikan yang mengutamakan graduan memiliki kemahiran insaniah. Kemahiran ini termasuk juga kemahiran berkomunikasi secara berkesan dan beberapa kemahiran lain seperti kemahiran kepimpinan, pemikiran kritis, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat serta etika dan moral professional.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RM Ke-9) yang lalu, 2006-2010, sejumlah RM16 billion telah diperuntukkan bagi membiayai program-program dan projek berkaitan pembangunan modal insan di peringkat tinggi bagi mencapai sasaran 40 peratus kadar penyertaan peringkat tertiar di kalangan mereka yang berumur 17 hingga 23 tahun pada tahun 2010. Pada masa ini, terdapat 20 IPTA dan 32 IPTS yang bertaraf universiti serta empat kampus cawangan universiti luar negara yang sedang beroperasi di Malaysia. Usaha berterusan bagi meningkatkan kadar penyertaan pendidikan peringkat tertiar ini telah menyaksikan peningkatan yang ketara dalam jumlah keluaran graduat setiap tahun. Jumlah graduat keluaran IPTA di semua peringkat pengajian telah meningkat dari 94,622 orang pelajar pada tahun 2008 kepada 104,870 orang pelajar pada tahun 2009 manakala keluaran IPTS meningkat dari 78,561 orang pelajar pada tahun 2008 kepada 97,333 orang pelajar pada tahun 2009 (Laman web Kementerian Pengajian Tinggi).

Bukan itu sahaja, kualiti pendidikan juga sudah diperkukuhkan menerusi penubuhan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dan membangunkan sistem jaminan kualiti yang bersepadu. Pihak IPTA pula telah berusaha untuk meningkatkan lagi kualiti tenaga pengajar dengan menambah bilangan pensyarah yang berkelayakan PhD. Bagi meningkatkan lagi tahap kebolehpasaran siswazah, pihak IPTA sentiasa berusaha untuk memperbaiki lagi program-program akademiknya. Antara program-program yang telah dan sedang dilaksanakan termasuklah pengenalan Modul Kemahiran Insaniah mulai sesi akademik 2007/2008 yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar dan tahap penguasaan bahasa terutamanya Bahasa Inggeris, pengenalan Modul Keusahawanan bagi melengkapkan pelajar dengan kemahiran keusahawanan yang relevan dengan pasaran supaya bakal graduan ini mampu berdikari dari segi kerjaya mereka. Di samping itu, para mahasiswa di IPTA telah diwajibkan untuk menjalani latihan industri selama enam bulan bagi kursus-kursus kritikal dan tiga bulan bagi kursus lain untuk memberikan pendedahan yang lebih baik kepada mahasiswa mengenai persekitaran pekerjaan sebenar dan membantu meningkatkan kecekapan mereka.

Isu berkaitan dengan pengangguran siswazah menunjukkan kegagalan institusi pendidikan dalam melahirkan graduan yang berkualiti dan memenuhi elemen-elemen kemahiran yang dikehendaki oleh majikan. Walaupun penambahbaikan telah dilaksanakan dalam meningkatkan kebolehan para siswazah, namun, masih terdapat rungutan daripada pihak majikan berkaitan dengan kualiti para siswazah. Antara rungutan yang biasa didengari daripada pihak majikan ialah graduan masih tidak menguasai kemahiran komunikasi terutamanya dalam bahasa Inggeris, sikap negatif terhadap sesuatu pekerjaan, tidak sedar wujudnya banyak tentang peluang pekerjaan dan kurang kemahiran insaniah (*soft skills*).

Terdapat tiga faktor utama yang dapat dikenal pasti dalam kajian yang bertajuk *Malaysia and the Knowledge Economy : Building a World-Class Higher Education System* yang meyumbang kepada pengangguran dalam kalangan graduan iaitu permintaan dan penawaran graduan, proses pencarian kerja dan ketidaksepadanan kemahiran.

2.1 Permintaan dan penawaran graduan

Masalah pengangguran terjadi apabila penawaran sedikit berbanding dengan permintaan. Bilangan penganggur ialah perbezaan antara bilangan orang yang mencari pekerjaan dan bilangan pekerjaan yang diwujudkan dalam ekonomi untuk mengambil mereka bekerja. Jadi, dapat lihat di sini penawaran graduan yang ramai berbanding dengan pekerjaan yang sedia ada. Hal ini disebabkan oleh pengembangan yang ketara dalam penawaran graduan dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta sejak penggubalan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Muhammad Hazrul, 2012). Di antara tahun 2001 hingga 2003, keluaran graduan institusi pengajian tinggi awam dan swasta keluar secara mendadak iaitu melebihi 60 peratus dalam tempoh tiga tahun.

2.2 Proses pencarian kerja

Bagi mencari kesesuaian dalam bidang pekerjaan, ia memakan masa yang lama di mana ia bermula dari alam persekolahan ke alam pekerjaan. Mereka yang ingin mencari peluang pekerjaan akan menggunakan kesemua latihan yang mereka telah terima dalam memenuhi setiap pekerjaan yang mereka ingini dan jangkaan pendapatan bagi sesuatu pekerjaan tersebut. Proses pencarian ini bergantung pada ekonomi. Sekiranya ekonomi negara bertambah maju, maka ini akan memendekkan masa mereka dalam mencari peluang pekerjaan hasil daripada majikan memerlukan tenaga kerja yang banyak. Faktor yang menyebabkan graduan mengambil masa yang lama adalah disebabkan oleh ketidakcekapan perkhidmatan pekerjaan atau kesediaan sokongan pendapatan keluarga. Faktor lain juga, para graduan yang secara sukarela untuk menjadi penganggur dengan menunggu jawatan dan status yang tinggi dalam sektor awam.

2.3 Ketidaksepadanan kemahiran

Masalah pengangguran juga berlaku akibat daripada ketidaksepadanan kemahiran yang ada dalam diri graduan dan latihan yang mereka terima di institusi pengajian tinggi dengan kemahiran khusus yang diperlukan dalam pasaran buruh. Menurut

Muhammad Hazrul (2012), ketidaksepadanan kemahiran terdiri daripada pelbagai dimensi: keseimbangan dalam permintaan-penawaran antara bidang pengajian (seperti kemanusiaan, sains dan kejuruteraan), keseimbangan antara kemahiran teknikal dan generik (insaniah) dan keseimbangan antar teori dan berorientasikan amalan dalam pendidikan dan latihan yang diterima.

Kajian yang telah dijalankan oleh Muhammad Hazrul (2012), mengenai kebolehpasaran siswazah Malaysia telah mendapati majikan masih menganggap graduan yang dihasilkan masih kurang dalam aspek kemahiran berfikir seperti bijak mencari alternatif bagi membaiki prestasi organisasi dan kemahiran komunikasi dan interpersonal seperti dapat menyampaikan pandangan yang dapat meyakinkan orang lain. Di samping itu, antara ciri kebolehpasaran yang mencatat min terendah adalah kemahiran ICT (Teknologi Maklumat) yang meliputi kemahiran menggunakan *Microsoft Excel*, kebolehan mencari maklumat berkaitan tugas menerusi internet, kebolehan mempersembahkan maklumat dengan audio visual seperti *Power Point* dan kemahiran menggunakan pemprosesan seperti *Microsoft Word*. Dari segi pemilihan calon pekerja, majikan lebih memberi keutamaan kepada graduan dalam bidang perbankan, kejuruteraan dan komunikasi manakala bidang pengajian Islam, pendidikan teknologi komputer merupakan bidang pengajian yang paling kurang diberi keutamaan.

3.0 FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA KEBOLEHPASARAN.

Kebolehpasaran ini merupakan elemen penting yang merujuk kepada kemahiran *employability* dalam diri para pekerja. Ia turut berkait rapat dengan faktor yang menyumbang kepada kebolehpasaran ini. Antara faktor tersebut adalah seperti kemahiran insaniah yang merupakan kemahiran generik yang merentasi pelbagai domain pembelajaran merangkumi aspek keperibadian dan kerja berkumpulan. Ia juga dikenali sebagai *soft skills*, *human skills*, *non-technical skills*, *essential skills*, dan *employability skills*. Menurut model Kearns (2001), kemahiran generik pada individu boleh dikelaskan kepada empat kumpulan iaitu kesediaan bekerja dan sifat bekerja individu, pengetahuan dan keusahawanan, kreatif dan inovatif, mempunyai kemahiran interpersonal dan berfikir serta ada kemahuan untuk belajar.

Terdapat beberapa jenis kemahiran insaniah yang sering kali dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu antaranya kemahiran komunikasi, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran membuat keputusan, kemahiran kepimpinan dan juga kemahiran bekerja dalam kumpulan (Cano, 2006; Bisland, 2004; Kamarudin, 2003; Shymal Majumdar, 2002; Hoddinot & Young, 2001). Berbeza pula IPTA Islam di Malaysia yang mana kemahiran insaniah ini telah dibahagikan kepada tujuh kemahiran yang mana ia diselaraskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan telah dipantau oleh pengurusan tertinggi IPTA sendiri dan Malaysian Qualifications Agency (MQA). Berikut ialah tujuh elemen kemahiran insaniah tersebut.

1. Kemahiran berkomunikasi
2. Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah
3. Kemahiran Kerja Berpasukan
4. Kemahiran Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Pengurusan Maklumat
5. Etika Moral dan Professional
6. Kemahiran Keusahawanan
7. Kemahiran Kepimpinan.

4.0 ISU-ISU KEMAHIRAN INSANIAH

4.1 Isu Kepentingan Subjek Kemahiran Insaniah diterapkan dalam IPTA Islam

Kemahiran insaniah ini sangat perlu diterapkan dalam sistem pengajian agar dapat membantu para graduan untuk menjadi kompeten dalam keperluan masyarakat. Menurut Rahimin Affandi et al. (2009), terdapat tiga peranan penting yang boleh disumbangkan oleh institusi pendidikan tinggi Islam iaitu:

- 4.1.1 Melahirkan insan yang sempurna dan seimbang dari segi jasad, roh dan akal bagi memenuhi tujuan pengabdian kepada Allah.

- 4.1.2 Melahirkan tenaga kerja dan intelektual ummah yang mampu berkhidmat kepada masyarakat secara berkesan dan berhemah mengikut bidang kemahiran tertentu.
- 4.1.3 Melahirkan golongan ilmuwan dan sarjana yang boleh membangun dan memperkembangkan sesuatu disiplin keilmuan Islam moden.

4.2 Isu Kemahiran Insaniah dengan Keperluan Pasaran Kerja Era Global

Berkaitan dengan isu yang telah dikemukakan di atas, terdapat beberapa isu yang dapat diketengahkan di mana kajian menunjukkan pendekatan IPTA di Malaysia lebih kehadapan dalam mengetahui kehendak pasaran sektor awam dan swasta bagi graduan sesuatu IPTA. Antara isunya ialah isu etika dalam kerjaya, ciri-ciri kemahiran *hard skill* dan *soft skill*, peluang dan bidang kerjaya yang dipilih untuk sektor kerjaya, isu kelemahan yang dimiliki oleh seseorang graduan menyebabkan mereka gagal mendapatkan peluang pekerjaan dan elemen persekitaran dan sosiologi masyarakat yang mempengaruhi bentuk kerjaya seseorang graduan tersebut.

4.3 Isu Kemahiran Insaniah dengan Ajaran Islam

Isu yang berkaitan kemahiran insaniah dengan ajaran Islam ini tidak diperbincangkan dengan meluas dalam institusi di Malaysia. Antara yang boleh diketengahkan dalam isu ini ialah berkaitan dengan kelas intelektual Islam Moden (graduan Islam) yang mana seseorang graduan tersebut perlu mempunyai sifat prihatin dengan realiti semasa berkaitan dengan kemunduran anggota masyarakat yang menjadikan tanggungjawab bersama bagi semua lapisan masyarakat. Bukan itu sahaja, berfikir secara analitikal dan kritis diperlukan dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Tambahan lagi, seseorang graduan Islam perlu menggantungkan hidayah, inayah dan petunjuk agama dalam kehidupan dan menyertai jemaah Islam terpilih. Sifat ini perlu diterapkan dalam diri graduan KUIS untuk meningkatkan lagi kemahiran insaniah selain daripada kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan dan sebagainya.

Selain itu, isu ini juga berkaitan dengan program pendidikan Islam dengan prinsip profesionalisme. Ia merupakan satu pendekatan terbaik di mana pelajar yang berkelulusan pengajian Islam dapat mencapai profesionalisme sehingga ke tahap yang diiktiraf oleh dunia sekarang. Tambahan lagi, nisbah profesionalisme para graduan yang berprofesion agama, dapat ditetapkan dengan membandingkan nisbah profesionalisme barat yang mana profesion itu menjurus kepada profesion yang memerlukan kepakaran dan pengetahuan spesialis tertentu yang tidak dimiliki oleh golongan lain. Jadi, tahap profesionalisme yang berkaitan dengan program pengajian Islam ini masih belum meluas dan memerlukan satu anjakan yang dapat menggilap graduan KUIS, bukan sahaja mempunyai kelayakan akademik yang tinggi tetapi juga mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi.

Untuk mencapai tahap profesionalisme seseorang graduan tersebut, ia perlu kepada beberapa teknik dan kaedah yang khusus dalam menjalankan modus operandi sesuatu profesion tersebut. Perlu wujudnya satu organisasi khusus yang melakukan proses pengawalan yang mana ia mengawal sesuatu profesion tersebut dari melanggar kod yang telah ditetapkan. Bukan itu sahaja, elemen kepercayaan juga perlu diterapkan dalam diri graduan untuk mencapai tahap profesionalisme seperti kepercayaan yang melibatkan hubungan dengan pelanggan atau masyarakat awam. Disarankan, kualiti penjawat awam yang beragama Islam perlu mempunyai kualiti sebegini yang mana ia membabitkan kod etika, yang mana asasnya ialah kepada prinsip falsafah dan prinsip keimanan, tauhid dan amanah.

5.0 KEMAHIRAN *EMPLOYABILITY*

Kemahiran *employability* adalah kemahiran yang bukan teknikal namun ia merupakan satu kemahiran yang sama pentingnya dengan aspek kemahiran teknikal. Walaupun kesemua jenis kemahiran adalah penting dalam karier seseorang, namun, ia tidak menjamin kejayaan seseorang individu dalam pekerjaan (Lankard, 1995). Ia juga merupakan satu kemahiran yang perlu ada dalam setiap individu kerana tanpa kemahiran *employability* walaupun berkemahiran teknikal yang baik, ia tetap dianggap tidak berkualiti (Ahmad Rizal et al., 2008). Menurut Mohamad Satar et al. (2009), menyatakan kebanyakan majikan berpendapat bahawa kemahiran

employability merupakan kemahiran yang dapat menjamin kualiti pekerjaan seseorang itu.

Terdapat beberapa maksud atau istilah yang menerangkan tentang *employability* ini yang mana ia banyak menjurus kepada tajuk yang berkaitan dengan personaliti, sikap, tabiat dan juga tingkah laku, cara berkomunikasi, penyelesaian masalah dan kemahiran membuat keputusan serta proses mengurus organisasi. Gainer (1988), telah meringkaskan mengenai kemahiran *employability* adalah keterampilan individu yang merangkumi (kemahiran komunikasi, kemahiran berhubung, kemahiran komputer dan kemahiran berbudaya). Seterusnya, adalah kemahiran kebolehpercayaan individu yang meliputi (pengurusan individu, beretika dan kematangan vokasional) dan terakhir adalah kemahiran pengubahsuaian ekonomi (kemahiran menyelesaikan masalah, pembelajaran *employability* dan pembangunan kerjaya). Begitu juga yang telah dinyatakan oleh Buck dan Barrick (1987):

“Employability skill are the attributes of employees, other than technical competence, that make them an asset to the employer. These employability skill include reading, basic arithmetic and other basic; problem solving, decision making, and other higher order thinking skill and dependability a positive attitude, cooperativeness and other affective skills and traits”

Bukan itu sahaja, kualiti juga merupakan salah satu aspek dalam kemahiran *employability*. Terdapat satu artikel yang didapati dalam “The Conference Board of Canada” (1996), yang bertajuk “Yukon Work Futures: Skills for Today’s Workplace” mendefinisikan kemahiran *employability* berkaitan dengan kemahiran dan juga kualiti individu yang dikehendaki oleh para majikan terhadap pekerja baru. Kemahiran *employability* ini bukan sahaja berguna pada dalam bidang-bidang tertentu, bahkan kemahiran *employability* ini dapat dipindahkan dari satu bidang ke satu bidang kerja yang lain. Ia bukan sahaja meliputi kualiti dan kemahiran dalam satu bidang kerja sahaja, malah merangkumi keseluruhan bidang kerjaya. Di samping itu, terdapat tiga kemahiran penting yang sangat diperlukan oleh majikan berdasarkan “Secretary’s Commission on Achieving Necessary Skill” (SCANS, 1991):

1. Kemahiran teknikal
2. Kemahiran akademik
3. Kemahiran *employability*

Hasil kajian SCANS telah mengenal pasti tujuh kompetensi utama dan 40 item kemahiran *employability* yang diperlukan dalam peringkat kemasukan awal pekerjaan iaitu :-

1. Kemahiran asas
2. Kemahiran berfikir
3. Kemahiran sumber
4. Kemahiran pengetahuan
5. Kemahiran interpersonal
6. Kemahiran sistem dan teknologi
7. Kualiti personal

5.1 Jenis-Jenis Kemahiran *Employability* Yang Penting

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Yahya (2004), telah mendapati beberapa kemahiran *employability* penting yang disokong oleh majikan dan industri dan perlu dititikberatkan oleh para graduan masa kini yang mana ia telah digambarkan dalam satu model kajian. Terdapat tiga kemahiran penting yang perlu diberi perhatian dalam memenuhi kehendak dan keperluan majikan. Kemahiran-kemahiran ini merujuk kepada min keutamaan kepada kepentingan dan keperluan majikan terhadap kemahiran *employability*. Kemahiran-kemahiran tersebut seperti berikut:-

5.1.1 Kemahiran Akademik

Kemahiran akademik merupakan satu kemahiran yang perlu diambil perhatian oleh para graduan. Kemahiran ini meliputi:

- Kemahiran penyelesaian masalah

- Kemahiran berfikir secara kritikal
- Kemahiran komunikasi
- Matematik

5.1.2 Kemahiran Mengurus Diri

Kemahiran mengurus diri juga merupakan salah satu di bawah kemahiran *employability*. Antara kemahiran yang perlu dititikberatkan ialah:

- Kemahiran bertanggungjawab
- Kemahiran bersikap positif
- Kemahiran membuat penyelesaian

5.1.3 Kemahiran berpasukan

Kemahiran ini sangat diperlukan apabila graduan sudah bekerja. Ia bukan sahaja diterapkan dalam pembelajaran, malah ia perlu dipraktikkan apabila sudah menceburi apa jua bidang pekerjaan. Antara kemahiran di bawah kemahiran berpasukan ini ialah:

- Kemahiran bekerja dengan orang lain
- Kemahiran melibatkan diri dalam sesuatu projek.

Ketiga-tiga kemahiran ini sangat diperlukan dan perlu diterapkan dalam diri setiap graduan. Ini kerana, pihak industri tidak kira apa jua industri sangat memerlukan pekerja yang mempunyai pelbagai kemahiran dan berketerampilan. Pihak industri sangat berharap kepada pihak pengeluar iaitu institusi pendidikan yang sedia ada kini dapat menyediakan dan melahirkan para pekerja yang mempunyai kesemua kemahiran ini untuk mendapat hasil yang berkualiti.

5.2 Kepentingan Untuk Pelajar

Kemahiran *employability* sangat penting apabila graduan menceburkan diri dalam bidang pekerjaan. Kemahiran *employability* ini juga dikenali sebagai kemahiran generik atau *soft skills*. Elemen-elemen kemahiran ini sangat perlu di ambil perhatian oleh pihak institusi pengajian tinggi dalam melahirkan graduan yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang akademik, malah dalam bidang kerjaya juga. Antara kemahiran *employability* yang dianggap penting oleh pihak majikan industri yang perlu diterapkan dalam diri pelajar termasuklah:

1. Kemahiran berkomunikasi
2. Kemahiran bekerja secara kumpulan
3. Keterampilan pelajar dari segi kepimpinan
4. Kemahiran merancang dengan baik
5. Memahami etika kerja yang sesuai
6. Berdisiplin
7. Boleh mengurus diri
8. Menggunakan masa yang bijak
9. Dapat membuat sesuatu perbezaan
10. Berfikir secara kritikal
11. Mengurus beban kerja
12. Menyelesaikan sesuatu masalah
13. Menentukan keutamaan
14. Membuat sesuatu keputusan yang bijak
15. Membuat anggaran
16. Berdaya saing
17. Kreatif
18. Fleksibel
19. Peka terhadap isu-isu persekitaran
20. Menghormati pemikiran dan pendapat orang lain
21. Boleh bekerjasama
22. Bergaul dan berunding dengan orang lain
23. Bersikap positif terhadap sesuatu perubahan

24. Bertindak tanpa pertolongan orang lain
25. Menyesuaikan diri
26. Berdaya saing
27. Menghargai diri sendiri
28. Bertanggungjawab terhadap tindakan yang diambil.

Kesemua elemen ini sangat penting dan para pelajar perlu memiliki kesemua elemen ini yang mana ia akan mempamerkan perwatakan yang penuh yakin serta bersedia dalam menempuh alam pekerjaan yang memerlukan para pekerja memiliki kepelbagaian kemahiran *soft skills* di samping kemahiran teknikal.

6.0 ELEMEN AGAMA DALAM KEMAHIRAN *EMPLOYABILITY*

Secara umumnya, hasil dapatan kajian ini diambil dari temubual bersama pakar runding yang telah dijalankan bagi menentukan elemen asas agama melalui kemahiran *employability* dalam kalangan graduan mahasiswa pada masa sekarang, seterusnya kajian ini juga melihat kepada nilai agama itu sendiri yang memberi sumbangan terhadap keperluan industri, serta nilai integriti yang dianggap signifikan dalam pemilihan pekerja. Analisa kajian ini secara terperinci adalah seperti di bawah.

6.1 Kepentingan Asas Agama Dalam Mahasiswa Pengajian Islam Oleh Industri

Secara amnya elemen agama amat penting dan sememangnya mahasiswa perlu mempunyai ilmu yang mendalam berkaitan ilmu asas agama seperti akidah, ibadah dan akhlak bagi memastikan kejayaan dan kecemerlangan dalam proses kerjaya yang bakal diceburi. Perkara berkaitan akidah, ibadah dan akhlak ini amat signifikan walaupun mereka adalah mahasiswa pengajian Islam. Ini adalah kerana penerapan dan penghayatan agama adalah bertujuan melahirkan insan yang sedar tentang tanggungjawab mereka sebagai hamba dan khalifah Allah swt.

Perkara ini disokong oleh pakar runding kedua yang mengatakan bahawa;

“Apatah lagi perkara yang melibatkan akidah, ibadah dan akhlak ini penting. Bagaimana menjadi bebanan pula kepada industri untuk memastikan pekerja sempurna solat lima waktu, tidak mengikuti ajaran sesat dan ekstrem serta etika dalam pekerjaan seharian. Tegasnya pembentukan adab merupakan unsur asas dalam diri yang merangkumi kehidupan rohaniah dan kebendaan seseorang serta kualiti kebaikan yang ingin ditanamkan dalam diri manusia. Ini perkara yang menjadi keprihatian industri, kerana kegagalannya akan memusnahkan kecemerlangan industri.”(PR2/UKM//KAA:01:13)

Sebagaimana yang dilihat, dalam kajian ini asas agama itu sendiri melibatkan kepada tiga elemen penting yang tidak dapat tidak semua mahasiswa perlu selari dengannya dan mengamalkannya dengan baik, iaitu dari sudut pegangan akidah mereka sendiri serta perlu mendalami ilmu-ilmu berkaitan dengannya.

Kepentingan asas agama ini disokong oleh pakar runding ketiga sepertimana yang diperkatakan oleh beliau iaitu,

“Bagi saya, dari segi keperluan maknanya pendidikan agama itu penting dalam industri terutamanya dalam industri saya iaitu jabatan syariah dan undang-undang ini, memang keperluan agama itu penting. Dan saya melihat senario ataupun keadaan semasa sekarang ini pun kebanyakan akan melihat extra kriteria dan extra itu maksud saya lebih ke arah kepada pendidikan Islam sendiri ataupun graduate-graduate yang ada asas agama.” (PR3/ PGSM/KAA:00:17)

Selain itu, keperluan asas agama turut dikatakan menjadi satu kelebihan utama kepada mahasiswa dalam industri ini kerana ia menjadi sumber kekuatan dalam menjalankan pekerjaannya. Kenyataan ini disokong oleh pakar runding pertama iaitu,

“Dia, pada saya sebenarnya kalau mahasiswa yang mempunyai kelulusan agama seperti dalam bidang syariah, bidang usuluddin, ataupun contoh pengurusan dakwah masjid mungkin sebenarnya

mempunyai kelebihan daripada mahasiswa lain tentang pemahaman agama dan hukum, daripada situ daya ataupun kekuatan ilmu atau kekuatan integriti mereka sebenarnya lebih baik daripada keluaran mahasiswa yang lain. Ini pada pandangan saya.” (PR1/JAKIM//KAA:00:10)

Turut disimpulkan lagi oleh pakar runding yang pertama dengan menyatakan bahawa mahasiswa yang mempunyai asas agama ini mempunyai kualiti yang lebih baik disamping mempunyai kemahiran yang lain seperti bahasa. Ia disokong dengan kenyataan seperti berikut,

“Maknanya kalau mereka ini mempunyai kekuatan begitu, daripada sudut agama juga berkemahiran contohnya: bacaan Al-Qurannya baik, tajwidnya baik, taranumnya baik, itu satu kelebihan daripada dia. Dan satu lagi kalau dia berkemahiran berbahasa Inggeris itu juga satu kelebihan. Sudah pasti dia lebih baik daripada orang lain. Itu kelebihan jurusan agama. Disamping, bahasa Melayu itu sudah tentu. Dan berkemahiran bahasa Inggeris satu kelebihan. Dan kemahiran berbahasa Arab lagi satu kelebihan.”(PR1/ JAKIM//KAA:03:01)

“Kesimpulannya, saya yakin kelulusan daripada IPTA/IPTS yang berteraskan agama mempunyai kualiti yang lebih baik dengan syarat mereka juga mempunyai ilmu-ilmu kemahiran seperti pelajar-pelajar di IPTA lain, jadi mereka mempunyai kelebihan sebab mereka ini lebih mendalam dari sudut agama dan mungkin ada kemahiran tambahan daripada sudut bahasa tadi.” (PR1/ JAKIM//KAA:05:01)

Selain itu, dalam kajian ini juga, ia turut menyentuh tentang kepentingan akhlak atau dalam erti kata lain adab seseorang itu yang perlu dititikberatkan oleh mahasiswa dalam melakukan pekerjaan tersebut. Kenyataan ini disokong dengan kenyataan pakar runding kedua yang menyebut bahawa,

“Mereka tidak nanti membebankan industri dari aspek perkara asas yang sepatutnya dimiliki. Khususnya perkara asas tersebut melibatkan perkara yang mesti bagi seorang muslim. Walaupun mereka bekas mahasiswa pengajian Islam, akan tetapi jika tidak menghayati nilai-nilai asas akhlak contohnya akan mencampakkan mereka ke kancah yang lebih teruk dari mereka yang tidak berlatar belakangkan pengajian Islam. Kita sendiri menyaksikan kes-kes salah laku berkhalwat, kes moral, kes menganut ideologi yang keluar dari landasan ahli Sunnah wal jamaah dan tidak komited dengan amalan agama adalah daripada kalangan mereka yang berlatar belakangkan pendidikan agama. Sedangkan mereka yang tidak mempunyai didikan agama yang formal lebih komited dalam aspek amal Islami. Oleh itu hal berkaitan asas agama amat penting walaupun kepada mahasiswa pengajian Islam agar mereka mempunyai nilai Islamik, Marketable, cemerlang teori, amali, amalan dan penghayatan. (PR2/ UKM//KAA: 00:18)

Ia turut disokong oleh pakar runding ketiga yang mengatakan akhlak ini sangat berperanan dalam kemahiran *employability* seseorang mahasiswa, iaitu dengan kenyataan bahawa,

“Contoh dalam bidang guaman sendiri, maknanya kalau kata benda itu kita sudah belajar, benda itu memang tidak boleh buat, jadi kita tidak boleh untuk memutarbelitkan sesuatu perkara itu, dan ia sangat penting, jikalau tidak ada asas agama itu sebagai lawyer, mungkin kita akan pusingkan perkara itu supaya menjadi boleh. Jadi, bila ada asas seperti ini iaitu pendidikan Islam ini, In shaa Allah, saya sendiri akan terapkan jika A dikatakan tidak boleh, jadi kita tetap kena A. Kita tidak boleh untuk mengatakan ia B. Jadi, perkara ini bagi saya penting terutama dalam undang-undang syariah ini nak ke perguaman mahkamah syariah ini pun saya rasa benda itu sangat penting.” Bagi saya memang memerlukan orang-orang yang

berpendidikan ini, untuk saya terapkan apa yang saya praktikkan selama ini.” (PR3/ PGSM/KAA:01:52)

Beliau turut menambah dengan menyatakan bahawa;

“Begitu juga dari segi tatasusila, mungkin kalau yang tidak ada asas pengajian Islam ini, yang tidak ada background agama ini mungkin, tatasusilanya hendak berhadapan dengan orang ataupun peradaban dengan orang tua mungkin akan lebih berbeza, tetapi, tidak semua yang begitu, maksud saya cuma asas itu saya rasa memainkan peranan dalam kehidupan ketika di pejabat atau ketika bermuamalah di pejabat ataupun bersama dengan public atau dengan klien.” (PR3/ PGSM/KAA:03:50)

Elemen asas agama dalam kemahiran *employability* ini sememangnya, saling berkaitan antara satu sama lain, baik dari sudut akidah, akhlak dan ibadah. Maka, dalam sudut pandang ibadah juga penting dan berperanan, ia turut disokong oleh pakar runding ketiga yang menyatakan bahawa,

“Dari segi majikan itu juga, tidak susah dan kita akan lebih selesa apabila staf-staf kita menunaikan solat lima waktu, puasa, jadi perkara itu tidak menjadi satu bebanan dan kita hidup pun seperti saya sendiri hidup dalam keluarga office saya ini. Perkara-perkara itu sememangnya saya mengutamakanlah, maksudnya kita hendak staf-staf kita buat apa yang wajib selain bagi komitmen kerja dengan bagus disamping tidak lupa nilai-nilai Islam itu. Maknanya apa-apa yang Islam ajar, kita kena terapkan dalam kerja, contohnya dari segi amanah klien, ataupun amanah office sendiri, dari segi cara kerja itu, contohnya apa yang tidak boleh, Islam tidak boleh buat, jadi kita tidak boleh hendak pusingkan ia supaya dijadikan boleh.” (PR3/ PGSM/KAA:01:01)

Secara kesimpulannya, dalam memperoleh kemahiran *employability* yang mantap dan untuk meningkatkan kemahiran tersebut, ini perlu disokong oleh asas-asas agama yang terdiri daripada akidah yang mantap, akhlak yang mulia dan juga ibadah yang terjaga. Maka, tidak hairanlah bahawa ia memberi peranan penting kepada mahasiswa khususnya.

6.2 Nilai Agama Memberikan Sumbangan Terhadap Keperluan Industri

Dalam kajian ini juga, ia menyentuh berkenaan dengan nilai agama yang dapat memberi sumbangan terhadap keperluan industri secara amnya. Ianya diulas oleh pakar runding yang kedua yang menyatakan bahawa;

“Nilai agama merupakan asas perlakuan manusia. Apatah lagi manusia yang mengaku beriman dan muslim. Potensi ini perlu dibangunkan selaras dengan matlamat penciptaan manusia sebagai khalifah di bumi disamping untuk kecemerlangan industri. Majikan yang muslim amat mementingkan perkara ini dalam menentukan kecemerlangan organisasi selain kelayakan akademik. Demikian juga dalam menentukan mahasiswa yang soleh dan muslim. Isu ilmu yang tidak bersepadu iaitu meminggirkan nilai agama boleh menyebabkan mahasiswa atau pekerjanya mengejar tuntutan dunia tanpa mengambil berat terhadap tuntutan untuk kecemerlangan di akhirat.” (PR2/UKM//KNA:01:21)

Kepentingnya nilai agama dalam menyumbang kepada keperluan industri secara khususnya dilihat perlu kerana ia dapat membentuk akhlak seseorang itu dan juga sikap malah meningkatkan lagi kemahiran-kemahiran yang pelbagai serta mempunyai peribadi yang dipandang mulia, bukan sahaja oleh majikan malah masyarakat setempat.

Kenyataan ini disokong oleh pakar runding yang kedua yang menyatakan bahawa;

“Nilai agama akan mengarah mahasiswa atau pekerja ke arah pembentukan sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup yang melahirkan hamba Allah yang mempunyai amanah dalam membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah kebahagiaan di dunia dan akhirat.” (PR2/ UKM//KNA:01:35)

Seterusnya, kemahiran mengurus atau dari sudut pengurusan bukan sahaja pengurusan diri dan masa, malah kemahiran seperti ini perlu diterapkan sejak dari universiti lagi. Ini dinyatakan oleh pakar runding yang pertama dengan kenyataannya seperti berikut:

“....Kemahiran mengurus, mereka perlu untuk diberikan pendedahan dari sudut berpersatuan, maknanya kolej universiti atau universiti ini perlu memberi peluang seluas-luasnya. Walaupun ia bergantung kepada pelajar bahawa dia aktif atau tidak aktif? Tetapi dengan peluang yang sewajarnya maksudnya dia perlu ada sekatan based on Akta ataupun sebagainya tetapi tidaklah tiada langsung, maknanya memberi peluang menyatakan mereka punya hasrat ataupun mereka punya objektif berpersatuan ataupun sebagainya.” (PR1/ JAKIM//KNA:06:33)

Seterusnya perkara seperti mengubah perspektif individu itu juga perlu dilakukan disamping memberi keyakinan kepada mahasiswa supaya cekap dalam kemahiran mengurus dan ditambah juga dengan kemahiran yang lain seperti kemahiran profesionalisme. Ini ditegaskan oleh pakar runding yang ketiga yang menyatakan bahawa:

“Dan satu lagi yang lompongnya, mungkin profesionalism, maksud saya walaupun ada asas agama tidak semestinya dia boleh bergiat secara professional, yang itu mungkin kita kena berpandukan kepada individu, tidak semua, kadang-kadang ada yang belajar agama ini, dia pun professional. Dia boleh hidup profesional dan bergaul dengan professional ada juga yang tidak. Tapi kalau boleh terapkan nilai-nilai

professional itu, maksud saya dari segi kerja, dari segi hubungan dengan klien, komunikasi dan sebagainya, kalau boleh diterapkan dengan sikap seperti itu, maknanya sikap, dedikasi dengan penuh professional ini, saya rasa akan lebih berjaya geng-geng pengajian Islam termasuk kitalah.” (PR3/ PGSM/KNA:08:33)

Tambahannya lagi,

“Kadang-kadang perkara itu, yang kita fikir kadang-kadang kita terlalu jumud, atau rigid, kadang-kadang tidak boleh bercakap dengan perempuan, sedangkan benda tersebut tidak ada masalah as long as kita ada batas-batasnya, rasa yang itu kadang-kadang pembawaan daripada universiti, tarbiah kita di universiti itu sendiri, contohnya, perempuan tidak boleh langsung bercampur dengan lelaki, tetapi bila dia keluar di sini, mereka terpaksa berhadapan dengan benda itu, jadi maknanya kalau kita boleh terapkan benda itu daripada awal, maknanya mereka tidak akan kekok dan kita perlu terapkan sikap professional, dan juga dedikasi dengan kerja itu sendiri, maknanya dari segi komitmen, dari segi cara pergaulan, tetapi ada batas-batasnya, mungkin lompong itu yang kadang-kadang kita terlepas pandang.” (PR3/ PGSM/KNA:09:23)

Secara keseluruhannya, hasil daripada dapatan nilai agama ini merangkumi beberapa kemahiran yang penting yang perlu dipertingkatkan oleh mahasiswa dalam industri. Bagi menambah nilai-nilai tersebut mereka memerlukan beberapa langkah yang diuji oleh majikan sepertimana yang diperkatakan oleh pakar runding pertama, seperti berikut:

“..... mentaliti masyarakat bila sebut kelulusan kolej Islam atau jurusan agama , dia sesuai jadi Imam. Tidak pada sekarang ini, persepsi sudah berbeza , jurusan daripada kolej Islam, jurusan daripada UIA, jurusan daripada UM fakulti Syariah, UKM juga KUIS fakulti apa-apa jua pengajian, mereka juga mempunyai peluang yang

sama untuk menjadi pegawai tadbir diplomatik asal mereka mampu melepasi beberapa step. “Step pertama, lulus ujian. Step kedua, lulus assessment. Step ketiga, temuduga lulus.” (PR1/JAKIM//KNA:07:13)

Tambahnya lagi, *“Maksudnya dua step itu atas kemahiran diri sendiri. Ujian: kemahiran dan pengetahuan. Assessment: kemahiran, pengetahuan dan keupayaan. Temuduga: kemahiran berfikir dan boleh menjawab ataupun boleh menganalisis apa yang disoal oleh penemuduga.” (PR1/JAKIM//KNA:07:51)*

“Maknanya, kalau dia tidak menambah nilai diri dia dengan kemahiran-kemahiran lain, based on apa yang dia belajar. Kalau syariah, syariah sahaja. Saya takut mereka tidak ada kekuatan dan kurang nilai bila mereka berada dalam pasaran.” (PR1/JAKIM//KNA:08:09)

7.0 KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat dilihat melalui elemen agama yang terkandung di dalam kemahiran *employability* pekerja adalah ia sebenarnya lahir daripada sumber kekuatan iman yang hanya dapat dijana dengan program-program ibadah seperti ibadah solat, puasa, zakat, sedekah, zikir dan sebagainya. Program-program ibadah inilah yang akan menjadi platform pembenihan iman dalam diri sekaligus menjadi komponen utama kepada pembentukan integriti.

Para pekerja yang menjiwai nilai kerja sebagai ibadah akan berusaha untuk mengelakkan diri daripada terjebak ke dalam aktiviti yang memberikan kesan negatif kepada rezeki pekerjaan mereka khususnya dalam aspek keberkatan. Ini adalah kerana secara prinsipnya, Allah SWT telah mengharamkan sebarang usaha memakan harta daripada jalan yang salah. Sememangnya tidak syak lagi, sifat-sifat luhur yang terkandung dalam nilai integriti adalah merupakan akhlak Islami dan bertepatan dengan ajaran Islam yang mesti dihayati oleh pekerja. Sememangnya pendekatan seumpama ini adalah selaras dengan tuntutan ajaran Islam yang amat menitik-

beratkan aspek integriti dan ketelusan dalam apa jua lapangan kehidupan termasuklah soal pengurusan dan kepimpinan.

Bersesuaian dengan tugas manusia sebagai khalifah yang bertanggungjawab memakmurkan bumi ini mengikut tunas dan kehendak Maha Pencipta. Aspek keinsanan dan nilai murni adalah merupakan komponen penting dalam pembentukan nilai integriti. Aspek ini tidak boleh diketepikan begitu sahaja sebaliknya mestilah diberikan penumpuan yang jitu. Konsep-konsep seperti yang dianjurkan oleh agama adalah perisai penting selain menjadi sumber kekuatan dalaman untuk menolak segala anasir negatif. Penghayatan nilai-nilai murni seperti ini di kalangan pekerja akan melonjakkan usaha pelbagai industri melonjak ke arah kelas pertama.

Kertas kerja ini mencadangkan agar diberi kesedaran yang tinggi kepada para pelajar, dalam bentuk seminar dan modul ilmiah berkenaan dengan hubungan kepentingan elemen agama di dalam industri, kerana ia menjadi tunjang utama dalam pekerjaan, dalam masa yang sama menyedari bahawa pekerjaan yang dilakukan itu adalah satu ibadah.

RUJUKAN

- Ahmad Rizal Madar, Malyia Afzan Abd Aziz & Mohamad Zaid Mustafa. (2009).
Kemahiran *Employability* di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Kementerian
Pengajian Tinggi Malaysia. Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan
Kerja Sosial.
- Allan, J., & Clarke, K. (2007). Nurturing supportive learning environments in higher
education through the teaching of study skills: To embed or not to embed?
International Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 19 (1), 64-
76.
- Aycan , Z., & Fikret-Pasa, S. (2003). Choices, Job Selection Criteria and Leadership
Preferences in a Transitional Nation : The Case of Turkey. Journal of Career
Development , 30(2), 129-144.
- Ballantine, J., & Larres, M. P. (2007). Cooperative learning: A pedagogy to improve
students' generic skills? Journal Education and Training, 49 (2), 126-137.
- Biggs, J. (2003). Teaching for quality learning at university. Maidenhead: Society for
Research into Higher Education & Open University Press.
- Bisland, A (2004). "Developing Leadership Skills in Young Gifted Students. "
Journal of Vocational Education and Training. Vol 27.No 1. 24-27.

Buck, L.L. & Barrick, R.K. (1987). They're trained, but are they employable? Vocational Education Journal 62(5): 29-31.

Cano, J. (2006). "Graduate Employability: What Employers Really Want." The Agricultural Education Magazine. 78.5.

Dunne, E., Bennett, N & Carre, C. (2000). Skill development in higher education and employment. Bristol.

Gainer. (1988). ASTD update: Basic skills. Alexandria, VA:American Society for Training and Development (ERIC No. ED 291 882).

Haslinda @Robita Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab & Zarina Mohd Ali. (2005). Pembangunan sahsiah mahasiswa bersepadu: Konsep dan Pelaksanaannya di Kolej Universiti Kejuruteraan. Seminar Kebangsaan Kursus Sokongan Kejuruteraan.

Hoddinot, J. dan Young, D. (2001). "Generic Skills Teaching In Materials Science and Engineering." Journal of Engineering Education. 707-711.

Ismail Md. Salleh. (2005). "Strategi bagi Rancangan Malaysia ke Sembilan untuk Meningkatkan Pembangunan Insan". Universiti Malaya.

Jager, K. D., & Nassimbeni, M. (2005). Information literacy and quality assurance in South African higher education institutions. South African Journal of Libraries and Information Science, 55, 31-38.

Kamaruddin Husin (2003). "Kemahiran Berfikir dan Komunikasi." Petaling Jaya: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd. 186- 188. Shyamal Majumdar (2002). "Emerging Generic Skills & Challenges of Learning Systems: Training K-workers". Philippines : Metro Manila.

- Kearns, P. (2001). "Generic Skills for the New Economy". Kensington Park: NCVER Ltd. 41-64.
- Koffel, L (1994). "Teaching Workplace Skills: Creative Ways to Teach Students the Skills Employers Want." Texas:Gulf Publishing Company. 1-2.
- Lange, D.L dan Technicon, P.E. (2000). "The Identification of The Most Important Non-technical Skills required by Entry Level Engineering Students When They Assume Employment." Journal of Cooperative Education. 35. 21-32.
- Lankard, B.A. (1995). Employability - The Fifth Basic Skills. Columbus Ohio: Career and Vocational Education.
- Lizzio, A., & Wilson, K. (2004). First-year students' perceptions of capability. Carfax Publishing.
- Lublin, J. (2003). Generic objectives and transferable skills: Centre for teaching and learning: Good Practice in teaching and learning. Engineering Science and Education Journal, 8 (4), 161-168.
- Lublin, J. (2003). Generic objectives and transferable skills: Centre for teaching and learning: Good Practice in teaching and learning. Engineering Science and Education Journal, 8 (4), 161-168.
- Mohd Safarin Nordin & Kamaruddin Mohd Tahir. 2004. Kemahiran Generik-Keperluan dalam memenuhi keperluan majikan masa kini. Kertas Projek. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Mohamad Sattar Rasul, Md Yusoff Ismail, Napsiah Ismail, Rashid Rajuddin&RoseaminahAbd. Rauf. (2009). Aspek Kemahiran *Employability* yang dikehendaki Majikan Industri Pembuatan Masa Kini. Jurnal Pendidikan Malaysia.

- Mohd Yusuff Mohd, Mohd Fadhil Nuruddin & Naimah Yong. (1995). Cabaran Perindustrian Masa Hadapan dan Kualiti Graduan Teknikal yang diperlukan.
- Muhammad Hazrul Ismail. (2012). Kajian mengenai kebolehpasaran siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. Prosiding PERKEM VII : 906-913.
- NCVER (National Centre for Vocational Education Research). (2003). Fostering generic skills in VET programs and workplaces: At a glance. NCVER, Adelaide.
- Posfas (Prepared by the Expert Group on Future Skills Needs Secretariat). (2006). The changing nature of generic skills.
- Queck (2005). “Learning for the Workplace: A case study in graduate employees generic competencies”. *Journal of Workplace Learning*.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Lazim Omar, Nor Adina Abd Kadir & Norhayati Dahlal (2009). Kemahiran Insaniah di Institusi Pengajian Tinggi Awam Islam Malaysia dan Indonesia: Satu Analisis Perbandingan. Jati.
- Ramlee (2002). The role of vocational and technical education in the industrialization of Malaysia as perceived by educators and employers. Doctoral Dissertation. Purdue University Pelan Integriti Nasional Pelan Integriti Nasional.
- Richardson, S. (2009). Undergraduates’ Perceptions of Tourism and Hospitality as a Career Choice. *International Journal of Hospitality Management*, 28(3), 382–388. doi:10.1016/j.ijhm.2008.10.006.
- Rodiah Idris, Siti Rahayah Ariffi n, & Noriah Mohd Ishak. (2008). Pemeriksaan differential item functioning (DIF) instrumen pentaksiran kemahiran generik. Seminar Psikologi dan Pembangunan Manusia.

- Rohlfing, J. E., Nota, L., Ferrari, L., Soresi, S., & Tracey, T. J. G. (2012). Relation of Occupational Knowledge to Career Interests and Competence Perceptions in Italian Children. *Journal of Vocational Behavior*, 81, 330–337.
- Sauerman, H. (2005). Vocational Choice: A decision Making Perspective. *Journal of Vocational Behavior*, 66(2), 273-303.
- Secretary's Commission on Achieving Necessary Skill (SCANS). (1991). Skills and Task for Jobs. A SCANS Report for America 2000. Washington, D.C.: U.S. Department of Labour.
- Seo, Andy K.H. (2003). Smart- "Partnership Between Vocational and Technical Training Institution in Creating Skill Workers". *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional 2003*.
- Shaharuddin Ahmad, Noriah Mohd Ishak, Khaidzir Ismail dan Jumali Selamat (2010). Generic competency profile among students in institute of higher learning: A case of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia. *College Student Journal*, 44(3): 811-820.
- Sharf, R.S. (2013). *Applying Career Development Theory to Counseling*.(j. Perkins, Ed) (Sixth Edi, p. 497). Belmont, USA: Jon-David Hague.
- Sidek, M.N. (2002). *Perkembangan Kerjaya: Teori dan Praktis*. Serdang. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Siti Rahayah Ariffi n, Noriah Mohd Ishak, Abdul Ghafur Ahmad, Rodiah Idris, & Nur' Ashiqin Najmuddin (2008). Communication, leadership, and teamwork skills as core competencies among higher education students. *Proceeding ASAIHL International Conference*. Bangkok, 149-158.

The Conference Board of Canada (1996). Employability skills profile: The critical skills required of the Canadian workforce. The Corporate Council on Education, a program of the National Business and Education Center. Ottawa Ontario.

The World Bank. Malaysia and the Knowledge Economy: Building a World-Class Higher Education System, March 2007.

Warwick, D (1989). “ Interpretation and Aims.” Dalam Warwick, D.1989. “Linking Schools and Industry. Oxford: Basil Blackwell Ltd.

Yahya Buntat (2004). Integrasi Kemahiran “*Employability*” Dalam Program Pendidikan Vokasional Pertanian dan Industri Di Malaysia. Thesis Phd.

Yulpisman Asli. (2006). Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang. <http://www.utusan.com/my/utusan/content> (19 September 2007).

Zainudin, Mohd Anuar, Mohd Najib & Kamriah. (2005). “Penerapan Kemahiran Generik dalam Pengajaran Kejuruteraan di Sekolah Menengah Teknik”. Seminar Pendidikan 2005. Universiti Teknologi Malaysia.